

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-37



Kepakaran Australia diperlukan

PM mahu kolaborasi mampan dalam aspek kesihatan awam diperluas

Oleh Sophia Ahmad dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerjasama serta kepakaran Australia dalam mendepani pandemik COVID-19, khususnya dari aspek penyelidikan dan pembangunan sangat signifikan untuk ASEAN, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, ASEAN amat mengalu-alukan segala perkongsian pengetahuan dan teknologi inovatif serta kerjasama aktif dari aspek kesihatan awam. Beliau berkata, kolaborasi mampan itu juga perlu melihat elemen penting lain, termasuk pembangunan vaksin dan perubahan yang selamat, berkesan serta berpatutan demi faedah sebagai lapisan masyarakat.

Selain itu, katanya, tumpuan ti-

dak harus terhad kepada usaha menangani pandemik COVID-19, sebaliknya turut diperluaskan kepada kecemasan atau penyakit lain yang mungkin berlaku pada masa depan.

"Peranan Australia dalam kerjasama kesihatan, berkembang dengan begitu signifikan menerusi pelaksanaan Mesyuarat Khas Menteri Luar ASEAN-Australia Mengenai COVID-19, Jun lalu dan Mesyuarat Pakar Kesihatan ASEAN-Australia Mengenai COVID-19 pada Julai.

"ASEAN turut mengalu-alukan pengumuman Australia berhubung pakej inisiatif COVID-19 berjumlah AUD23 juta (RM68.9 juta) dan tambahan AUD60 juta (RM179.9 juta) pada Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN-Australia, September lalu, khusus bagi menangani senario pasca pandemik meliputi pemulihan ekonomi di rantau ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ucapan intervensi pada Sidang Kemuncak Dwitahunan ASEAN-Australia Kedua yang diadakan secara maya, semalam.

Malah, Perdana Menteri berkata, ASEAN berbesar hati untuk menerima sumbangan AUD1 juta (RM3 juta) bagi mengisi Tabung



Muhyiddin bersama Menteri Kanan yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamad Azmin Ali (kanan) serta Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan sidang kemuncak berkaitan secara maya, semalam. (Foto BERNAMA)

Tindak Balas COVID-19 ASEAN.

"Kita turut melihat wujud keperluan mendesak untuk ASEAN dan Australia meningkatkan kerjasama dalam transformasi digital susulan pandemik COVID-19 dan perkara seperti Revolusi Industri Keempat (IR4.0), teknologi digital serta e-perdagangan yang menjadi antara perkara perlu diberikan perhatian," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada sesi intervensi Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-New Zealand, Muhyiddin berkata, kerjasama menyeluruh berteraskan pendekatan seragam perlu dirintis untuk menangani rangkaian

ancaman keselamatan, khususnya yang bukan bersifat 'tradisional'.

Perdana Menteri ketika mengutarakan pendirian itu, menjelaskan keutamaan bagi merungkai isu bukan tradisional seperti migrasi, keselamatan siber, serangan pengganas dan tindakan keganasan wajar diberikan penekanan. "ASEAN dan New Zealand berkongsi matlamat sama yang menekankan kepentingan rakyat kita, justeru kerjasama berkaitan aspek strategik tradisional sedia ada akan diteruskan.

"Melangkah ke depan pasca pandemik, kerjasama lebih utuh

dan bersepadu diperlukan untuk berdepan dengan ancaman keselamatan sedia ada dan yang baharu.

"Kita perlu kekal berwaspada terhadap ancaman pengganas, memandangkan pengganasan dan kegiatan jenayah mereka sejak mutakhir ini menjadi semakin meruncing.

"Dalang kegiatan ini mengambal kesempatan terhadap pola penggunaan internet di rumah yang mencatatkan peningkatan, sekali gus membuatkan masyarakat terdedah kepada penularan propaganda di dalam talian," katanya.

ASEAN, AS kena tingkat kerjasama R&D vaksin

ASEAN serta Amerika Syarikat (AS) perlu meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin serta ubat antivirus memandang keperluan yang kian mendesak.

Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pembangunan vaksin sangat penting untuk memastikan kelebihan ekonomi yang diperoleh, tidak mengorbankan kesihatan masyarakat awam.

Beliau turut mengulangi pendirian Malaysia, bahawa vaksin yang dihasilkan perlu selamat di-

gunakan, berpatutan, mudah didapati dan mampu dimiliki semua.

"Persaingan tidak adil dan monopoli barang penting perlu dielak dengan apa cara sekali pun," katanya pada Sidang Kemuncak AS-ASEAN Kelapan yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan mesyuarat berkaitan.

Pada sidang kemuncak itu, AS diwakili Penasihat Keselamatan Negara, Robert C O'Brien.

Mengenai isu Laut China Selatan, Hishammuddin menegaskan, penting keadaan tenang,

Pembangunan vaksin sangat penting untuk memastikan kelebihan ekonomi yang diperoleh, tidak korbakan kesihatan masyarakat awam.

Hishammuddin Hussein,
Menteri Luar

aman, selamat dan stabil wujud di zon maritim berkenaan, di samping menghindari unsur yang boleh menggugat usaha ke arah itu.

Malaysia, tambahnya, teguh dengan pendirian bahawa isu terbabit mesti diselesaikan sejajar prinsip undang-undang antarabangsa yang diterima sejagat, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) 1982.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Malaysia tetap komited untuk menangani ancaman keganasan dan ekstremisme dengan

mengatasinya pada peringkat akar umbi, memperkukuh dasar; kerangka undang-undang dan penguatkuasaan.

Mengenai situasi di Semenanjung Korea, beliau berkata, Malaysia konsisten dalam tiga perkara, iaitu Semenanjung Korea yang bebas senjata nuklear; kepatuhan terhadap Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang relevan dan menyambung semula dialog antara pihak berkaitan.

Hubungan AS dengan ASEAN sebagai rakan dialog terjalin sejak 1977.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kes baharu kembali 4 angka

1,112 penularan tempatan, dua lagi kes import jangkitan dari Indonesia, Jordan

Oleh Latifah Arifin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu COVID-19 meningkat kepada 1,114 pesakit, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 46,209 kes dengan dua kematian di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 di negara ini ialah 12,131 kes.

Daripada jumlah kes baharu itu, katanya, sebanyak 1,112 kes penularan tempatan dan dua kes lagi ialah kes import yang mendapat jangkitan dari Indonesia dan Jordan.

"Sabah mencatatkan sebanyak 391 kes (35.1 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini (semalam).

"Negeri Sembilan pula mencatatkan sebanyak 371 kes (33.3 peratus) daripada keseluruhan kes positif harian, yang sebahagian besarnya daripada Kluster Cergas, iaitu sebanyak 363 kes bersamaan 97.8 peratus," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, se-



Kakitangan KKM melakukan proses nyahkuman selepas menjalankan kerja sanitasi di sekitar rumah di Bayan Baru, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

malam terdapat 803 kes sembuh menjadikan jumlah kes pulih 33,772 kes, bersamaan 73.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, ada pertambahan dua kes kematian di Sabah berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan kematian meningkat kepada 306 kes atau 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kematian pertama membabitkan wanita berusia 78 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit Osteoarthritis.

"Kes kematian kedua lelaki berusia 51 tahun dan menghidap penyakit darah tinggi, kencing manis dan penyakit buah ping-

gang kronik.

"Kedua-duanya meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ada empat kluster baharu, termasuk dua dari Sabah.

Katanya, dua lagi kluster, masing-masing membabitkan satu di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang serta daerah Kulim, Kedah, dengan satu lagi dikenal pasti di daerah Timur Laut dan Barat Daya di Pulau Pinang.

"Empat kluster baharu dikesan iaitu Kluster Istimewa, Kluster Assumption, Kluster Alila dan Kluster Rajawali.

"Kluster Istimewa membabitkan daerah Sandakan, Sabah dan kes indeks bagi kluster ini dikenal pasti positif COVID-19, hasil saringan kemasukan ke wad pada 20 Oktober 2020.

"Kluster Alila membabitkan daerah Kota Kinabalu dengan kes indeksnya dikenal pasti COVID-19, hasil saringan individu bergejala pada 5 Oktober," katanya.

Beliau juga mengesahkan dua lagi kluster tamat semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ini membabitkan Kluster Bah Lunas di daerah Kulim dan Baling di Kedah, manakala Kluster Bah Bemban dikesan di Terengganu serta Kota Kinabalu, Sabah.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

Platform maya urus berat badan

Kementerian Kesihatan ajak masyarakat amal cara hidup sihat

Oleh Nor Haidya Syafira Amir
bhnews@bh.com.mmy

Kuala Lumpur: Dalam usaha meningkatkan amalan cara hidup sihat, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan bersama Pertubuhan Pencegahan Obesiti Kanak-Kanak dan Dewasa mengambil inisiatif menganjurkan intervensi V+IFitEr (I Fit and Eat Right) bertemakan, 'Bukan Soal Kurus' yang julung kali dilaksanakan secara maya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pandemik COVID-19 telah mengubah amalan kehidupan rutin rakyat kepada norma baharu.

Katanya, ketika dunia dilanda pandemik itu, platform maya berperanan penting dalam penyampaian perkhidmatan, termasuklah perkhidmatan kesihatan.

"Kementerian menyediakan platform maya kepada rakyat Malaysia untuk menguruskan berat badan serta mengamalkan cara hidup sihat.

"Melalui intervensi secara maya ini, peserta diberi panduan untuk melakukan aktiviti fizikal dengan betul, melakukan aktiviti fizikal bersama jurulatih, runding cara amalan cara hidup sihat dan cabaran

harian secara maya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan, Suraiya Syed Mohamed, berkata program intervensi V+IFitEr adalah inisiatif jangka masa berpanjangan dan bukan hanya menekankan masalah berlebihan berat badan, malah menekankan amalan cara hidup sihat sepanjang hayat.

"Program ini diadakan selama lapan minggu dan sepenuhnya secara maya. Seramai 1,039 pelbagai bangsa dari seluruh negara telah mendaftar sebagai peserta V+IFitEr dalam tempoh hanya tiga jam pembukaan pendaftaran," katanya.

Suraiya berkata, semua peserta diberi bimbingan iaitu dalam bentuk kumpulan kecil bersama jurulatih menerusi aplikasi Whatsapp, live workout yang mengandungi 56 sesi meliputi teknik pelbagai aktiviti fizikal yang menarik dan modifikasi tingkah laku dan bimbingan pemakanan.

"Selain itu, terdapat E-Learning iaitu perbincangan pelbagai topik bersama pakar berkaitan kecerdasan minda, aktiviti fizikal, nutrisi dan lain-lain serta larian maya atau virtual run setiap hari," katanya.

Beliau berkata, jumlah pengurangan berat badan yang dicapai oleh peserta adalah 4,150 kilogram (kg) yang mana secara puratanya seorang peserta dapat mengurangkan sebanyak 3.99 kg.

"Indeks jisim tubuh (BMI) purata permulaan bagi lelaki sama-



Dr Adham Baba melancarkan program intervensi V+IFitEr bertemakan 'Bukan Soal Kurus'.

sa menyertai intervensi adalah 34.3 dan selepas intervensi adalah 32.9 manakala wanita, sebanyak 32.2 dan 30.5 direkodkan bagi selepas intervensi," katanya.

Antara peserta yang berjaya Izzatul Amira Muhamad Salim yang menganggap penyertaannya dalam program itu memberikan perubahan bermakna.

"Sebelum menyertai program ini, berat saya ialah 113kg. Dengan bimbingan jurulatih, ilmu dikongsi dan kaedah digunakan dalam program ini saya berjaya mendapatkan berat 105.5kg.

"Program ini bukan sahaja untuk kurus tetapi memberikan penekanan terhadap kesihatan keseluruhannya. Saya juga sedar bahawa amalan diet tidak makan nasi, pernah diamalkan sebelum ini tidak sesuai kerana tidak salah



Jurulatih yang terbabit dalam program V+IFitEr.

ambil nasi tetapi yang salah adalah cara pengambilan kita," katanya.

Sementara itu, Harris Iskandar Samsudin, berkata melalui program itu dia dapat memahami definisi sebenar 'kurus', belajar cara mencapai berat badan ideal, kekal fokus,

bersabar, terima cabaran baharu lebih positif dan berkeyakinan.

"Jurulatih memberi inspirasi untuk saya berusaha memenuhi misi ini. Impian saya adalah untuk mencapai '#healthylifestyle' dan tidak akan berputus asa," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NASIONAL

Penemuan baharu vaksin selangkah akhira COVID-19

Awal minggu ini dilaporkan data permulaan daripada percubaan klinikal vaksin COVID-19 yang dibangunkan gergasi farmasi Pfizer dan syarikat bioteknologi BioNTech menunjukkan ia menawarkan keberkesanan 90 peratus dalam mencegah wabak itu.

Beberapa hari kemudian, Dana Pelaburan Langsung Russia (RDIF) turut mengumumkan vaksin dibangunkan negara itu, Sputnik V mempunyai kadar keberkesanan 92 peratus selepas dos kedua.

Sedikit sebanyak, berita itu menimbulkan kelegaan besar untuk komuniti vaksin. Ia menandakan satu kejayaan pengumuman pertama yang mengesahkan bahawa vaksin boleh melindungi manusia daripada jangkitan SARS-CoV-2.

Itu menunjukkan vaksin boleh dihasilkan. Namun, sejauh mana keberkesannya masih menjadi persoalan yang tidak boleh dijawab oleh sesiapa-pun.

Semua keputusan setakat ini memberangsangkan, tetapi masih banyak yang perlu dipastikan. Keberkesanan 90 peratus vaksin Pfizer/BioNTech dan 92 peratus Sputnik V ialah keputusan meyakinkan, namun harus diingat bahawa ia adalah analisis interim.

Vaksin Pfizer/BioNTech, berdasarkan 94 kes penyakit membabitkan penerima, sama ada vaksin atau plasebo. Pfizer mengakui dalam protokol percubaan bahawa ia memerlukan sekurang-kurangnya 164 kes jangkitan bagi menilai keberkesanan vaksin.

Jika kes tambahan berlaku lebih kerap dalam kalangan penerima vaksin berbanding plasebo, maka peratus keberkesanan akan berkurangan.

Justeru, kita tidak boleh mengesahkan lagi jika jumlah itu adalah petunjuk sebenar perlindungan diberikan vaksin, sekali gus memerlukan percubaan klinikal dilakukan sehingga tamat.

Sementara itu, percubaan fasa tiga vaksin Sputnik V menilai keberkesa-

nan dalam kalangan lebih 16,000 sukarelawan yang menerima vaksin atau plasebo, 21 hari selepas suntikan pertama.

Analisis statistik 20 kes COVID-19 yang disahkan membabitkan kes terpisah antara individu yang divaksin dan mereka yang menerima plasebo, menunjukkan vaksin mempunyai kadar keberkesanan 92 peratus selepas dos kedua.

Jika ia adalah senario sebenar, mengapa keputusan interim ini diumumkan sekarang? Analisis interim data seperti ini bukan sesuatu yang luar biasa, khususnya bagi percubaan vaksin fasa ketiga, memandangkan bukan ganjil jika percubaan klinikal ketika ujian.

Sehubungan itu, perlu dipastikan beberapa segera yang boleh, sama ada meneruskan percubaan itu berbaloi atau tidak dan dalam sesetengah kes, tidak beretika.

Satu-satunya cara untuk melihat jika meneruskan percubaan itu ialah pilihan tepat adalah dengan membenarkan lembaga pemantauan keselamatan dan data percubaan bebas melihat kepada sebahagian atau semua keputusan.

Untuk COVID-19, apabila masa adalah halangan utama, banyak usaha diambil untuk menyatukan analisa interim kepada kajian yang menyediakan jawapan meyakinkan.

Satu perincian utama yang tidak dijelaskan oleh keputusan interim ini ialah lama mana perlindungan itu akan bertahan.

Peserta percubaan fasa ketiga menerima dua dos vaksin dan ukuran keberkesanan diambil tujuh hari selepas dos kedua diberikan.

Keadaan yang sama juga berkeungkinan untuk tindak balas awal imun. Adalah amat penting untuk memahami sejauh mana ketahanan perlindungan awal ini selepas fasa berkenaan.

Golongan pesimis akan berharap ia

mampu bertahan sekurang-kurangnya untuk tiga bulan.

Pihak yang optimis pula mengharapkan perlindungan tahap tinggi untuk beberapa tahun. Bagaimanapun, secara realistik, platform vaksin berasaskan mRNA ini masih baharu, justeru kita memerlukan masa untuk memahaminya dan bila tindak balas awal itu mula berkurangan.

Kita juga perlu memahami jika vaksin ini dan pembangunan lain dapat menghasilkan tindak balas baik daripada sistem imun yang menawarkan perlindungan selama beberapa tahun.

Penting juga untuk mengenal pasti tindak balas imun tepat yang menawarkan perlindungan, dikenali sebagai perlindungan berkait. Adakah ia sejenis antibodi atau sel T dan apakah jumlah sebenar diperlukan untuk melindungi seseorang?

Dengan semua pengetahuan ini, percubaan akan datang boleh menumpukan kepada kuantiti penanda imun diperlukan dalam tubuh seseorang untuk melihat dengan lebih tepat jika vaksin berkenaan berfungsi.

Satu lagi perkara penting perlu diketahui adalah jika vaksin ini berupaya mencegah sepenuhnya jangkitan virus ke atas individu, atau ia hanya menjadikan mereka lebih kuat memarang virus jika dijangkiti.

Percubaan akan datang boleh menumpukan kepada kuantiti penanda imun diperlukan dalam tubuh seseorang untuk melihat dengan lebih tepat jika vaksin berkenaan berfungsi.

Ia akan menentukan sama ada vaksin terbabit hanya mencegah penyakit atau turut menghalang penularan virus.

Apa yang kita tahu adalah setakat ini, berdasarkan laporan pencapaian pembangunan, vaksin Pfizer/BioNTech dan Sputnik V masing-masing berupaya mengurangkan kes-gejala sebanyak 90 atau 92 peratus.

Walaupun tidak memiliki gambaran penuh, Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan Amerika Syarikat (US FDA) berkata, mereka akan menimbangkan kemungkinan meluluskan vaksin Pfizer/BioNTech bagi kegunaan kecemasan sebelum memberi kelulusan penuh, sebaik sahaja percubaan berkenaan berjaya mengumpul data keselamatan selama dua bulan ke atas sebahagian peserta.

Pfizer menjangkakan proses ini selesai minggu ketiga November. Percubaan ini juga akan diteruskan untuk lebih lama lagi, bagi memastikan ia mampu mencapai lingkungan 164 kes jangkitan dan terdapat juga susulan lanjutan untuk melihat tahap keselamatan vaksin dan respon imun serta perlindungan ke atas kumpulan peserta berbeza.

Ini sepatutnya memberikan maklumat lanjut secara lebih telus dan meyakinkan, bagaimana vaksin ini berfungsi dan jenis populasi.

Menurut Pfizer, jika keselamatan dan keberkesanan vaksin memuaskan, ia akan diserahkan kepada agensi berkuasa untuk diluluskan sepenuhnya. Kumpulan paling berisiko akan menjadi penerima pertama imunisasi.

Walaupun diluluskan sepenuhnya, cabaran besar menanti. Pfizer menjangkakan 50 dos akan sedia tahun ini, cukup untuk diberikan kepada 25 juta individu dan 1.3 bilion lagi menjelang akhir 2021.


Berdasarkan saiz populasi dunia, dan hakikat bahawa vaksin itu perlu diberi dua dos, perlindungan penuh seluruh dunia masih jauh daripada jangkauan.

Untuk Sputnik V pula, RDIF seperti yang dilaporkan agensi berita Sputnik berkata, ia sudah menandatangani perjanjian dengan syarikat bioteknologi Korea Selatan, GL Rapha untuk menghasilkan lebih 150 juta dos vaksin Sputnik V di Korea Selatan setiap tahun.

Kedua-dua pihak bercadang memulakan pengeluaran pada Disember ini dan pelancaran vaksin Sputnik V pada Januari 2021.

Vaksin lain yang masih dalam pembangunan tidak kurang pentingnya. Kita memerlukan lebih daripada satu vaksin untuk perlindungan global dan untuk memastikan wujud jenis yang tepat buat setiap kumpulan umur serta kohort kesihatan.

Secara keseluruhan, hasil ini perlu diraikan, tetapi dengan menyedari bahawa ia hanya langkah pertama. Perjalanan ini masih berliku untuk menjadikan dunia kembali normal seperti dahulu, tetapi segalanya berada di landasan yang benar.



AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

1,114 penularan harian dengan dua kematian direkodkan

Kes baharu masih empat angka

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kes harian masih merekodkan empat angka semalam dengan 1,114 kes dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di seluruh negara sebanyak 46,209.

Jumlah kes yang dilaporkan antara lain disumbangkan daripada empat kluster baharu dan 44 kluster sedia ada dengan paling tinggi ialah Kluster Cergas di Negeri Sembilan iaitu sebanyak 363 kes.

Ini juga sekali gus menjadikan kes positif di Negeri Sembilan semalam sebanyak 371 kes atau 33.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah masih mencatatkan kes positif tertinggi sebanyak 391 kes atau 35.1 peratus daripada keseluruhan kes positif. Beliau berkata, negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 217 kes positif dengan Selangor (199), Kuala Lumpur (13) dan Putrajaya (empat).

"Sebanyak 65 kes lain atau 5.8 peratus adalah berkaitan kluster-kluster di penjara.

"Ini melibatkan Kluster Tembok dengan 45 kes, Kluster Penjara Seberang Perai (14), Kluster Penjara Sandakan (tiga), Kluster Penjara Kepyayan (dua) dan Klus-



ANGGOTA polis melakukan pemeriksaan semasa sekatan jalan raya di Persiaran Puncak Jalil, Kuala Lumpur semalam. – FARIZ RUSADIO

ter GK Tawau (satu)," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Berhubung kluster baharu, Noor Hisham berkata, sebanyak empat kluster baharu dilaporkan dan satu daripadanya Kluster Istimewa di Sandakan, Sabah dengan 16 kes positif dikenal pasti selepas kes indeks dikesan hasil saringan kemasukan ke wad

pada 20 Oktober lalu.

"Bagi Kluster Alila pula di Kota Kinabalu dengan kes indeks dikesan hasil saringan bergejala pada 5 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan 22 lagi kes dan semua dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah," katanya.

Beliau berkata, Kluster Assumption melibatkan daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang serta daerah Kulim di Kedah dengan kes indeks dikesan hasil saringan sendiri pada 11 November lalu.

Menurutnya, susulan itu, sembilan lagi kes dikesan positif dan telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,114
Import: 2 Tempatan: 1,112	
• Pulih	803
• Kematian	2
• Masih dirawat	12,131
• Jumlah kes sembuh	33,772
• Jumlah Kematian	306
Jumlah kes keseluruhan	46,209


"Kluster Rajawali juga dikesan selepas kes indeks menjalani kuarantin sendiri pada 6 November lalu dan kini dirawat di Hospital Pulau Pinang.

"Kluster yang melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya Pulau Pinang melaporkan sembilan lagi kes positif hasil saringan kontak rapat," katanya.

Tambahnya, terdapat dua kes import dilaporkan melibatkan warga Malaysia dan warga asing yang tiba dari Indonesia dan Jordan.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, terdapat dua kematian di Hospital Queen Elizabeth melibatkan seorang wanita berusia 78 tahun dan lelaki berusia 51 tahun yang masing-masing mempunyai penyakit osteoarthritis selain darah tinggi, kencing manis dan penyakit buah pinggang kronik.

Bilangan kes harian dan sembuh bagi November



Sumber: CPRC, MOH

Kluster Cergas di Negeri Sembilan rekod 1,120 kes

Oleh NOR AINNA HAMZAH

SEREMBAN – Sebanyak 1,120 kes daripada 3,373 kes Covid-19 yang direkodkan di negeri ini dikesan daripada Kluster Cergas.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S. Veerapan berkata, tiga lagi kluster yang turut sama menyumbang kepada peningkatan kes ialah Kluster Kaya sebanyak 482 kes; Kluster Lengkok (232 kes); dan Kluster Taman Bunga (53 kes).

Menurutnya, daripada jumlah keseluruhan kes yang direkodkan berkenaan sejak penularan Covid-19, 1,892 kes telah sembuh dan discaj, manakala 1,473 kes masih menerima rawatan di wad dan lapan kes meninggal dunia.

"Sehingga pukul 12 tengah

hari (semalam), terdapat 371 kes positif baharu dilaporkan ke Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, menjadikan jumlah keseluruhan kes Covid-19 sebanyak 3,373 kes.

"Terdapat 1,646 kes aktif mengikut definisi Program Pengurangan Risiko Daerah (jumlah kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari terakhir)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Veerapan berkata, daripada 371 kes baharu yang direkodkan semalam, 363 kes adalah dari Kluster Cergas.

Bagaimanapun, menurutnya, mengikut pecahan daerah, Seremban mencatatkan sebanyak 367 kes baharu, diikuti Rembau.

"Daerah lain tidak mencatatkan kes baharu dan Tampin kekal sebagai zon hijau," katanya.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Risau ada penghuni Medan 88 hilang

SEPAANG - Rata-rata penduduk sekitar kawasan Medan 88 Bandar Baru Salak Tinggi yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menyatakan kebimbangan susulan 'kehilangan' kira-kira 400 penghuninya yang perlu menjalani saringan Covid-19.

Seorang pesara guru, Amir Adli, 62, berkata, dia bimbang penularan akan terus berlaku di kawasan lain jika penghuni yang gagal dikesan tidak memberi kerjasama kepada pihak berkuasa dan petugas kesihatan.

"Sudah semestinya mereka perlu menjalani ujian Covid-19, jadi apabila mereka ini dikatakan hilang, kami turut berasa bimbang.

"Saya juga berharap majikan kepada penghuni di sini mengambil tanggungjawab memastikan pekerja masing-masing menjalani ujian Covid-19," katanya kepada

da Kosmo di sini semalam.

Perasaan sama disuarakan suri rumah, Zalinda Mohd. Kasim, 48, yang menyifatkan kerjasama penghuni amat penting dalam memutuskan jangkitan Covid-19.

"Saya lihat premis perniagaan di kawasan ini sangat lengang berbanding biasa. Jika keadaan ini berlarutan saya percaya, ia akan menjejaskan aktiviti perniagaan di kawasan berhampiran.

"Harapan saya agar penghuni Medan 88 dan majikan mereka bertanggungjawab dan berusaha bersama untuk menghentikan penularan Covid-19," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sepang, Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, bukan semua penghuni kawasan itu melarikan diri sebaliknya mereka berasa takut untuk masuk ke lokasi terbabit apabila melihat halangan seperti Kawad duri dan

penghadang konkrit telah dipasang pada hari pertama pelaksanaan PKPD.

"Ramai penduduk dari kawasan berkenaan berada di tempat kerja pada waktu siang dan tidak mengetahui apa yang berlaku di kediaman mereka.

"Apabila mereka pulang dan melihat kawat duri, mereka takut untuk masuk," katanya.

Wan Kamarul Azran berkata, hasil siasatan awal mendapati, ada sebahagian penghuni terbabit ke rumah rakan-rakan di sekitar kawasan Bandar Baru Salak Tinggi selain dibawa keluar oleh majikan ke lokasi lain.

"Antara punca mereka berbuat demikian ialah kerana tiada dokumen perjalanan diri, risau pendapatan terjejas berikutan tidak dapat bekerja selain bimbang dikenakan caj bayaran bagi ujian saringan Covid-19," katanya.



PIHAK berkuasa melakukan kawalan di lokasi PKPD Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi di Sepang, kelmarin.

500 penduduk Kampung Lukut disaring

KOTA TINGGI - Kira-kira 500 penduduk di kawasan Kampung Lukut serta kampung rangkaian berhampiran menjalani ujian swab Covid-19 di Dewan Semerah Padi Kampung Lukut semalam.


Ujian swab test itu dijalankan susulan terdapat seorang penduduk disahkan positif Covid-19 ekoran jangkitan Kluster Padang.

Seorang penduduk, Sharudin Abd. Rashid, 45, berkata, makluman tentang ujian itu dikeluarkan pihak pengurusan kampung sebelum disebarkan melalui aplikasi WhatsApp.

"Situasi di dewan berjalan dengan lancar dan semua penduduk memberi kerjasama. Sejak dari pagi tadi nombor giliran sudah mencecah 500 orang.

"Mereka yang hadir bukan sahaja dari Kampung Lukut ada juga dari kampung lain juga," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R. Vidyananthan berkata, terdapat



KHEMAH yang dijadikan tempat berteduh penduduk yang menjalani ujian swab di Dewan Semerah Padi, Kampung Lukut di Kota Tinggi semalam.

satu kluster baharu yang dilaporkan iaitu Kluster Padang.

"Kes ini dikesan hasil daripada saringan di fasiliti kesihatan. Susulan itu, pengesanan kontak telah dijalankan dan mengesan

empat kes baharu melibatkan tiga rakan sekerja dan seorang jiran," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Vidyananthan berkata, jumlah kluster aktif di negeri ini adalah

Kluster Meldrum (7 kes), Kluster Bayu (8 kes), Kluster Kempas (55 kes) dan Kluster Padang (6 kes).

Jelasnya, kumulatif kes yang dilaporkan di Johor sebanyak 949 kes dengan 21 kematian.

1,424 dikesan positif Covid-19 babit tujuh kluster

GEORGE TOWN - Sebanyak 1,424 individu dikesan positif Covid-19 setakat kelmarin melibatkan tujuh kluster aktif di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo

berkata, jumlah itu diperolehi menerusi 13,408 saringan yang dijalankan ke atas individu yang terlibat dengan kluster tersebut.

"Pada masa ini, masih lagi terdapat tujuh kluster aktif Covid-19 di Pulau Pinang iaitu Kluster Intan, Kluster Bayan, Kluster

Permatang, Kluster Alma, Kluster Penjara Reman Pulau Pinang, Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Tembaga.

"Jumlah keseluruhan yang disaring sehingga kelmarin ialah 13,408 dan jumlah yang dikesan positif Covid-19 ialah 1,424," ka-

tanya di sini semalam.

Dalam pada itu, katanya, Tapak Penjaja Sementara (TPS) Taman Free School telah ditutup selama 14 hari bermula kelmarin oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan ujian saringan Covid-19.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

3.9 juta penduduk hidap diabetes

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Dianggarkan seramai 3.9 juta atau 18.3 peratus penduduk yang berusia 18 tahun dan ke atas menghidap diabetes berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada tahun lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, dianggarkan satu daripada dua pesakit atau 50 peratus tidak mengetahui mereka menghidap penyakit diabetes sehingga saringan gula dalam darah dilakukan.

Menurutnya, laporan National Diabetes Registry 2013 - 2019 pula menganggarkan hanya 32.4 peratus pesakit diabetes yang

mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan mencapai tahap kawalan diabetes yang optimum.

"Penyakit ini bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap kualiti hidup dan kos penjagaan kesihatan, ia juga menambah beban ekonomi individu, keluarga dan masyarakat serta mengurangkan produktiviti negara.

"Pada 2017, dianggarkan jumlah beban penyakit tidak berjangkit utama (kardiovaskular, diabetes dan kanser) terhadap ekonomi negara adalah RM100 bilion.

"Ja bersamaan 7.35 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar dan diabetes menyumbang RM10 bilion daripada jumlah itu," katanya dalam satu kenyataan di sini

semalam.

Katanya, dari segi kos produktiviti, kerugian sebanyak RM5.7 bilion dilaporkan akibat diabetes, berbanding penyakit kardiovaskular iaitu sebanyak RM2.9 bilion dan RM357 juta (kanser).

"Kepatuhan terhadap rawatan dan nasihat anggota kesihatan serta amalan gaya hidup sihat mampu mengawal diabetes ke tahap optimum," katanya.

Dalam pada ifu, beliau berkata, sempena Hari Diabetes Sedunia, sambutan kali ini bertemakan 'Diabetes: Jururawat Nadi Perubahan' bertujuan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai peranan penting jururawat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan diabetes di Malaysia dan di seluruh dunia.



NOOR HISHAM memberitahu kebanyakan rakyat tidak mengetahui mereka menghidap diabetes hingga saringan gula dalam darah dilakukan.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : SIDANG KEMUNCACK ASEAN KE-37

Tingkat kapasiti tangani impak Covid-19

Kerjasama ASEAN+3 perlu terus diperkukuhkan dalam semua bidang dengan kepentingan bersama

KUALA LUMPUR

Kerjasama berkesan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) Campur Tiga (APT) ternyata akan membantu meningkatkan kapasiti mereka dalam menangani Covid-19, selain mengurangkan impaknya dan menggalakkan pemulihan serta pembangunan yang mampan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, menghadapi krisis lain, dalam bentuk Covid-19 yang tidak mengenal sempadan, kerjasama perlu terus diperkukuhkan dalam semua bidang dengan kepentingan bersama.

"Dalam konteks ini, Malaysia berpendapat bahawa kita perlu terus komited dengan memastikan pasaran kita terbuka, mengekalkan aliran perdag-



Muhyiddin (tengah) diringi Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (kanan) serta Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengikuti Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan pada hari keenam persidangan tersebut yang diadakan secara maya semalam.

angan, perkhidmatan dan pelaburan yang normal untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi serantau kita tanpa halangan yang tidak perlu kepada perdagangan atau gangguan kepada rantaian bekalan global.

"Kita perlu menstabilkan pembuatan dan pembekalan barangan dan perkhidmatan penting yang diperlukan untuk krisis ini, termasuk bekalan perubatan penting dan produk pertanian yang kritikal, selain me-

ngekalkan dan mempelbagaikan rantaian bekalan di rantau ini dan di luarnya," katanya dalam ucapan intervensi pada Sidang Kemuncak APT yang diadakan secara maya semalam.

Sidang kemuncak itu dipengerusikan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc, yang juga Pengerusi ASEAN 2020.

Kerjasama APT, terdiri daripada negara-negara anggota

ASEAN dan negara-negara Campur Tiga, iaitu China, Jepun dan Korea Selatan, dibentuk semasa krisis kewangan Asia 1997.

Dalam mengurangkan impak ekonomi, Muhyiddin berkata, Malaysia berharap peneraian dan pelaksanaan perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan memberi petunjuk penting mengenai kepentingan untuk mengukuhkan integrasi

ekonomi serantau, dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi di rantau ini.

Beliau berkata, walaupun giat ke arah pemulihan ekonomi, bekalan makanan sebagai keperluan asas kehidupan juga perlu diberikan perhatian.

"Malaysia telah menyatakan kepentingan untuk kita bekerjasama antara satu sama lain, menggunakan Rizab Beras Kecemasan ASEAN+3 (APTERR) untuk menjamin keselamatan makanan.

"Ini akan membantu dalam memastikan bekalan makanan yang berterusan untuk rakyat yang terjejas teruk oleh kelembapan ekonomi semasa berikutan pandemik," katanya.

Muhyiddin berkata, dalam menghadapi tempoh mencabar dan sukar ini, amat penting bagi APT terus meningkatkan kerjasama mereka dan menyokong antara satu sama lain.

"Kerjasama kita yang kukuh dalam menggalakkan keamanan dan kestabilan, selain kemakmuran ekonomi di rantau ini, tiada lain selain daripada untuk masa depan rakyat yang lebih baik dan lebih cerah di rantau ini," katanya. - *Bernama*

ASEAN-AS perlu tingkat kerjasama R&D vaksin

KUALA LUMPUR - ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) perlu tingkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin serta ubat antivirus memandangkan keperluan itu kini kian mendesak, kata Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Hishammuddin pada Sidang Kemuncak AS-ASEAN ke-8 semalam berkata, pembangunan vaksin sangat penting untuk memastikan kelebihan ekonomi yang kita peroleh tidak mengorbankan kesihatan masyarakat awam.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa vaksin yang dihasilkan perlulah selamat digunakan, berpatutan, mudah didapati dan mampu dimiliki semua.

"Persaingan tidak adil dan memonopoli barang-barang penting perlu dielakkan walau dengan apa cara sekali pun," katanya pada sidang kemuncak itu yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan semalam.



Hishammuddin berucap pada hari keenam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan yang diadakan secara maya semalam.

AS diwakili Penasihat Keselamatan Negara, Robert C O'Brien.

Mengenai isu Laut China Selatan, Hishammuddin berkata, penting keadaan tenang, aman, selamat dan stabil wujud di zon maritim berkenaan di samping menghindari unsur-unsur yang boleh menggugat usaha ke arah itu.

Malaysia, tambahnya teguh dengan pendirian bahawa isu itu mesti diselesaikan sejajar dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diterima sejagat termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) 1982. - *Bernama*

Krisis Covid-19: ASEAN+3 perlu kekalkan pasaran terbuka

KUALA LUMPUR - Malaysia meminta ASEAN Campur Tiga - China, Jepun dan Korea Selatan (ASEAN+3) kekal komited memastikan pasaran terbuka dan mengekalkan aliran dagangan, perkhidmatan dan pelaburan terus normal ketika krisis koronavirus (Covid-19).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN+3 (APT) berkata, pasaran perlu kekal terbuka bagi mengukuhkan ketahanan ekonomi serantau tanpa sekatan yang tidak diperlukan terhadap perdagangan atau mencetuskan gangguan rantaian bekalan global.

"Ketika kita mesti terus mengukuhkan kerjasama dalam semua bidang yang mempunyai manfaat bersama, fokus kita sekarang seharusnya tertumpu kepada tugas mendesak iaitu memerangi Covid-19.

"Malaysia juga berharap dengan pemeteraian dan pelaksanaan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan menghantar isyarat kukuh mengenai kepentingan mengukuhkan intergrasi dan menye-

marakkan lagi pertumbuhan ekonomi serantau," katanya di sini semalam.

APT ke-23 diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 dan dipengerusikan Vietnam, dianjurkan secara dalam talian ekoran penularan wabak Covid-19.

Ia turut disertai secara maya oleh Perdana Menteri China, Li Keqiang; Perdana Menteri Jepun, Yoshihide Suga; dan Presiden Korea Selatan, Moon Jae-In.

Sementara itu, Muhyiddin turut menegaskan kepentingan mengukuhkan kerjasama dalam menggunakan program Rizab Beras Kecemasan ASEAN+3 (APTERR) bagi memastikan jaminan keselamatan makanan.

Katanya, kerjasama dalam APTERR ini akan membantu memastikan bekalan makanan berterusan kepada rakyat yang terjejas teruk akibat kelembapan ekonomi ketika ini.

"Ketika kita bersama-sama berdepan dengan cabaran dan waktu sukar ini, amat penting ASEAN dan tiga negara ini terus mengukuhkan kerjasama serta saling menyokong antara satu sama lain," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes baharu Covid-19 kekal empat angka

1,114 kes baharu dicatat menjadikan jumlah kes positif 46,209 kes

KUALA LUMPUR

Kes baharu koronavirus (Covid-19) yang direkodkan semalam masih kekal empat digit iaitu 1,114 kes menjadikan jumlah kes positif dalam negara sebanyak 46,209 kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Ini menjadikan bilangan kes aktif kebolehsangkitan mencatat 12,131 kes manakala jumlah kes pu-

lih semalam adalah 803 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 33,772 kes.

Menurut Dr Noor Hisham, daripada 1,114 kes baharu semalam, sebanyak 1,112 adalah kes penularan dalam negara manakala bakinya adalah kes import.

Penularan tempatan menyaksikan Sabah mencatatkan jumlah kes baharu tertinggi dengan 391 kes, diikuti Negeri Sembilan (371), Selangor (199), Perak (53), Pulau Pinang (34), Kuala Lumpur (13) dan Johor (15).

"Negeri lain adalah Kedah dengan 10 kes, Labuan (Japan), Melaka (enam), Kelantan (lima), Sarawak (tiga) dan Putrajaya mencatat empat kes,"



DR NOOR HISHAM

katanya dalam satu kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Sementara itu, bagi kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara melibatkan seorang warganegara dan seorang bukan warganegara yang tiba dari Indonesia dan Jordan.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat dua kes ke-

KKM kesan empat kluster baharu

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan empat kluster baharu Covid-19 melibatkan negeri Sabah, Pulau Pinang dan Kedah, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata di Sabah, Kluster Istimewa di Sandakan mengesan 16 kes positif Covid-19 termasuk 10 kes baharu semalam dengan kes indeks (ke-22,026) dikenal pasti hasil saringan kemasukan ke wad pada 20 Oktober.

"Kluster kedua di Sabah iaitu Kluster Alila dikesan di Kota Kinabalu membabitkan kes indeks (ke-23,498) telah dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada

5 Oktober lepas.

"Kluster ketiga pula iaitu Kluster Assumption melibatkan daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang serta daerah Kulim di Kedah dengan kes indeks (ke-42,773) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan sendiri pada 11 November lalu," katanya semalam.


Dr Noor Hisham berkata, Kluster Rajawali pula dikesan di daerah Timur Laut dan Barat Daya di Pulau Pinang melibatkan kes indeks (kes ke-39,181) yang dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan sendiri pada 6 November dan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang. - Bernama

matian Covid-19 semalam menjadikan jumlah kumulatif kematian di Malaysia adalah 306 kes.

Beliau berkata, kes kematian itu melibatkan wanita berumur 78 tahun yang mendapat rawatan di

Hospital Queen Elizabeth, Sabah dan mempunyai sejarah osteoarthritis. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

'Lebih 10 bulan tiada istilah cuti rehat'

Panglima Perang KKM tampil pertahankan Dr Noor Hisham yang dilempar tuduhan 'takut mati' oleh seorang ahli Parlimen

Oleh ROSALWANI CHE SOH

SHAH ALAM

Panglima Perang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Rohaizat Yon tampil mempertahankan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang dilemparkan dengan tuduhan sebagai 'takut mati' oleh seorang ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada Rabu lalu.

Rohaizat selaku Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dan orang yang sentiasa berada di samping Dr Noor Hisham mendedahkan kakitangan KKM termasuk Dr Noor Hisham dan beliau sendiri tidak pernah ada istilah cuti rehat sepanjang 'berperang' dengan Covid-19 lebih 10 bulan lalu.

"Sebelum ini Ketua Pengarah (Dr Noor Hisham) juga dikuarantin kerana merupakan kontak rapat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad yang disahkan positif Covid-19 selepas pulang daripada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah,

Dr Rohaizat (tengah) sentiasa berada di sisi Dr Noor Hisham (kanan) pada sidang akhbar harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan.



"Namun Dr Noor Hisham tetap bekerja dari rumah serta menghadiri mesyuarat dengan KKM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara dalam talian melalui panggilan video," katanya kepada *Sinar Ahad* kelmarin.

Pada Rabu lalu, Dewan Rakyat kecoh apabila Ahli Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong King Sing menyebut Dr Noor Hisham sebagai 'takut mati' apabila tidak turun ke Sabah dan mendakwa Ketua Pengarah Kesihatan itu membiarkan hanya *frontliners* berperang di sana.

Dr Rohaizat berkata, dalam peperangan, perlu ada persediaan di bahagian belakang juga sebagai barisan *backliners* yang menyediakan perancangan khusus dalam usaha mengesahkan wabak Covid-19 daripada terus merebak.

"Kalau dalam peperangan mesti kita *backup* ada sokongan di belakang dan memberi petunjuk kepada barisan hadapan untuk serang musuh dan begitulah juga dalam situasi Covid-19 ini apabila

musuh yang kita lawan ini (wabak Covid-19) tidak nampak kita perlu lebih berhati-hati dan bersedia.

"Kita perlu ada strategi dan data yang lengkap untuk serang musuh tidak nampak ini jika mahu menang dalam peperangan dan bukan sekadar turun berperang tanpa sebarang persediaan.

"Jadi tidak timbul isu jika Dr Noor Hisham tidak turun ke Sabah kerana dia ada ke sana pada Ogos lalu dan mengikut jadual berkala yang dibuat secara giliran melalui KKM sendiri," katanya.

Rabu lalu, Noor Hisham turut menjawab kontroversi tersebut dengan menyatakan tidak timbul isu takut mati dalam melaksanakan tugasnya untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 di negara ini.

Dr Noor Hisham sebelum ini digelar manusia paling popular di Malaysia sejak Mac lalu selepas muncul setiap hari di kaca televisyen untuk menyampaikan perkembangan terkini mengenai wabak Covid-19 di negara ini.

PDRM tahan 502 individu ingkar arahan PKPP

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 502 individu atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) kelmarin.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, seramai 204 individu ditahan kerana gagal mematuhi arahan penjarakkan fizikal, tidak memakai pelitup muka (99), premis beroperasi lebih masa dan tanpa kebenaran (63) serta premis perniagaan yang didapati gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (55).

"Kesalahan rentas daerah dan negeri bagi kawasan PKPP tanpa kebenaran (40) dan lain-lain (41). Secara keseluruhan seramai 470 individu dikompaun manakala 32 individu pula direman," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. - *Bernama*



ISMAIL SABRI

20 lari PKPD sudah serah diri

SEPANG - Setakat ini, seramai 20 penghuni yang disyaki melarikan diri dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Medan 88 di Bandar Baru Salak Tinggi di sini sudah menyerah diri.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, daripada jumlah itu, seramai 13 individu terbabit dikesan pada Khamis lalu manakala enam lagi kelmarin dan seorang semalam.

Katanya, penghuni berkenaan terdiri daripada warga Bangladesh, India, Indonesia dan Nepal serta beberapa penduduk tempatan.

"Usaha mengesan penghuni lain yang masih hilang masih dijalankan. Kita mengharapkan kerjasama dan bantuan orang awam sekiranya ada maklumat boleh salurkan kepada kami," katanya kepada *Sinar Ahad* semalam.

Sebelum ini, media melaporkan seramai 400 penduduk di kawasan tersebut tidak kembali ke rumah selepas polis mengepung kawasan premis perniagaan terbabit.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : KOMENTAR

Satu daripada dua pesakit tidak tahu hidap diabetes, kata Dr Noor Hisham

KUALA LUMPUR - Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menganggarkan seramai 3.9 juta atau 18.3 peratus penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas menghidap diabetes pada tahun 2019.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding 11.2 peratus pada tahun 2011 dan 13.4 peratus pada tahun 2015.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, dianggarkan satu daripada dua pesakit (atau 50 peratus) tidak mengetahui mereka menghidap diabetes sehinggalah saringan gula dalam darah dilakukan.

Menurutnya, Laporan Nasional Diabetes Registry 2013 – 2019 pula menganggarkan hanya 32.4 peratus pesakit diabetes yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan mencapai tahap kawalan diabetes yang optimum.

“Penyakit diabetes bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap kualiti hidup dan penjagaan kesihatan, malah ia juga menambah beban ekonomi individu, keluarga serta masyarakat dan mengurangkan produktiviti negara.

“Pada tahun 2017, dianggarkan jumlah beban penyakit tidak berjangkit utama (kardiovaskular, diabetes dan kanser) terhadap ekonomi negara adalah sebanyak RM100 bilion yang bersamaan 7.35 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Diabetes menyumbang sebanyak RM10 bilion daripada jumlah tersebut.

“Dari segi kos produktiviti, kerugian sebanyak RM5.7 bilion dilaporkan akibat diabetes berbanding penyakit kardiovaskular (RM2.9 bilion) dan kanser (RM357 juta),” katanya dalam satu kenyataan sempena Hari Diabetes Sedunia yang disambut semalam dengan tema ‘Di-



Kebanyakan kes diabetes boleh dicegah melalui amalan gaya hidup sihat dan ia boleh dikesan awal dengan saringan berkala.

abetes: Jururawat Nadi Perubahan’.

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kes diabetes boleh dicegah melalui amalan gaya hidup sihat dan ia boleh dikesan awal dengan saringan berkala.

Bagi pesakit diabetes pula, katanya, kepatuhan terhadap rawatan dan nasihat anggota

kesihatan serta amalan gaya hidup sihat mampu mengawal diabetes pada tahap optimum dan mencegah komplikasi.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merangka pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan pencegahan serta kawalan penyakit tidak berjangkit.

“Ia termasuk memperkuatkan semula program Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospem) pada peringkat komuniti bagi mempromosikan cara hidup sihat dan pengesanan awal penyakit tidak berjangkit dalam kalangan masyarakat di seluruh Malaysia.

“Sukarelawan pada peringkat komuniti telah dilatih melalui Kospem. Program intervensi ini akan dijalankan dengan lebih efektif dan meluas ke arah memperkasakan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat.

“Negara sedang dilanda pandemik coronavirus (Covid-19) yang belum nampak tanda-tanda ia akan berakhir dalam masa terdekat. Kajian menunjukkan individu berusia, obes, pesakit diabetes dan hipertensi berisiko untuk mendapat jangkitan Covid-19 lebih serius dan boleh membawa maut,” kata beliau.

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS

CASES RISING

CMCO'S EFFECTIVENESS QUESTIONED BY EXPERTS

They suggest implementing MCO to allow time to re-strategise

ADIB POVERA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE rise in the number of Covid-19 infections in the Klang Valley on Friday, which surpassed new cases in Sabah, has raised questions among health experts about the effectiveness of the Conditional Movement Control Order (CMCO) in Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor.

While acknowledging that the increase in cases was due to targeted active case detection carried out in areas under the CMCO, health experts did not rule out that the ineffectiveness of the measures and failure to adhere to standard operating procedures (SOP) were factors.

These factors, they said, had contributed to the spread of the virus in the community, particularly at workplaces, which make up almost half of the active clusters in the country.

Malaysian Public Health Physicians Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the emergence of more Covid-19 clusters, including the Kaya, Cergas, Hentian and Auto clusters, and the fact that new cases involved citizens and non-citizens suggested that the

spread of the virus in the community and at workplaces was widespread.

Dr Zainal proposed that the government implement stricter containment measures, such as the MCO or the Targeted Enhanced MCO, in the "greater" parts of the Klang Valley to curb the pandemic.

"The CMCO is not a sure measure of containment to halt the transmission definitively.

"There are many loopholes and weaknesses in the implementation of the CMCO, with areas that can be strengthened and improved."

He used fighting bushfires as an example, saying there were some areas where the authorities had full control of and others where they had yet to manage effectively.

"Perhaps the government can consider implementing the MCO in the greater parts of the Klang Valley for one or two weeks, to pause, rethink and re-strategise.

"Maybe we need to go back to the drawing board and get more involvement from stakeholders outside government agencies."

It was reported that the Klang Valley recorded a more than two-fold increase in new Covid-19 cases on Friday, at 567 cases compared with 224 the day before.

On Friday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor recorded 364 new cases, followed by Kuala Lumpur with 202.

Of the 158 active clusters, he said, 65 of them, involving 5,681 Covid-19 cases, were linked to workplaces.

Of the cases, 3,369 involved Malaysians (59.3 per cent) and 2,312 involved non-citizens (40.7 per cent).


Universiti Putra Malaysia epidemiology and biostatistics expert Associate Professor Dr Malina Osman said the situation in the Klang Valley could be attributed to aggressive contact tracing, screening of those at risk, as well as poor compliance with the SOP.

"Regarding poor compliance, it mainly involves work settings and people who violate the government's order to remain at home in EMCO areas."

Dr Malina was referring to reports claiming that a significant number of people packed their bags and left their homes to live elsewhere temporarily following the announcement of the EMCO or CMCO in their areas.

She said this made contact tracing more challenging.

"If there are positive cases



among those who leave, this could create new clusters and new infection chains in areas where they stay."

Asked about the effectiveness of the CMCO, which is set to end on Dec 6, she said any positive outcome from the implementation would depend on the level of compliance with the SOP.

"If people can follow instructions by staying at home first and foremost and are committed to adhering to the instructions, we can expect to see the number of cases going down in the next few weeks.

"But people have to really be committed to the order.

"Full adherence to the SOP will

Second straight day of 4-digit cases

PUTRAJAYA: For two consecutive days, Malaysia has recorded four-digit new Covid-19 cases, with 1,114 new infections registered up to noon yesterday.

This raises the cumulative number of infections nationwide to 46,209, with 12,131 active cases. On Friday, Malaysia recorded 1,304 new cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said Sabah led the list with 391 new cases, followed by Negri Sembilan (371), Selangor (199), Perak (53), Penang (34), Kuala Lumpur (13), Johor (15), Kedah (10), Labuan (eight), Melaka (six), Kelantan (five), Putrajaya (four) and Sarawak (three).

He said of the 371 new cases in Negri Sembilan, 363 were from the Cergas cluster, which was detected on Nov 3.

He said of the 217 new cases in the Klang Valley, 145 were linked to clusters.

He said 65 cases were related to clusters in prisons — Tembok cluster (45), Seberang Perai Prison cluster (14), Sandakan Prison cluster (three), Kepayan Prison cluster (two) and GK Tawau cluster (one).

"Out of today's (yesterday's) new cases, two were imported, involving a citizen and a non-citizen, who arrived from Indonesia and Jordan."

He said 103 patients were being treated at Intensive Care Units,

with 43 requiring ventilator support.

In addition, 803 more patients had recovered and were discharged, bringing total recoveries to 33,772 (73.1 per cent).

He said two deaths were reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre, raising the death toll to 306 (0.7 per cent).

The deaths (Case 44,344 and Case 25,300) involved a woman, 78, with osteoarthritis and a 51-year-old man who had hypertension, diabetes and chronic kidney problems. Both died at Queen Elizabeth Hospital.

Dr Noor Hisham said four new clusters were reported in Sabah,




Masjid Negeri in Kota Kinabalu is closed due to the Conditional Movement Control Order. Sabah recorded the highest number of new Covid-19 cases yesterday, at 391. PIC BY MALAI ROSMAH TUAH

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NEWS



A slide showing Covid-19 cases in the peninsula at a press conference recently. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

determine the outcome of our fight against Covid-19. "Until the day the vaccine is available to all Malaysians, we cannot let our guard down. "We can only hope and pray that the vaccine will be available soon." Dr Zainal stressed the impor-

tance of local authorities sharing information on the geomapping of clusters and cases with local organisations. "The authorities should come up with a plan for each cluster and the affected community, which should include communi- ties in the perimeters of the af-

ected locations." Dr Zainal said community en- gagement needed to be improved to manage the pandemic better. "We need to move with the community to win this battle by reducing top-down approaches, which can seem unfriendly and authoritative."

Penang and Kedah in the past 48 hours. They are the Istimewa and Alila clusters in Sabah, Assumption cluster in Penang and Kedah, and Rajawali cluster in Penang.

The Istimewa cluster, involving Sandakan district, was detected during pre-admission screening on Oct 20 (Case 22,026). "Close contact screening found 15 other people positive for Covid-19.

"All have been admitted to Duchess of Kent Hospital and the low-risk quarantine centre at the Sibuga Sports Complex Hall. "Up to noon today (yesterday), 54 people were screened, with 16 positive, 27 negative and 11 awaiting results."



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

The Alila cluster in Kota Kinabalu was detected during a symptomatic individual screening on Oct 5 (Case 23,498).

"Close-contact screening found 22 other people positive for Covid-19. They were admitted to the low-risk quarantine centre at Queen Elizabeth Hospital.

"A total of 317 people were screened, with 23 positive and 294 awaiting results."

The Assumption cluster covers Seberang Prai Utara and Seberang Prai Tengah in Penang and Kulim in Kedah, with the index case detected dur-

ing self-screening on Nov 11 (Case 42,773). "Close-contact screening

found nine other people positive for Covid-19.

"They have been admitted to Penang Hospital.

"A total of 66 people were screened, with 10 positive and 56 awaiting results."

The Rajawali cluster, in north-east and southwest Penang, was discovered following self-screening on Nov 6 (Case 39,181).

"Close-contact screening found nine other people positive for Covid-19.

"All have been admitted to Penang Hospital.

"Ninety people were screened, with 10 positive, 15 negative and 56 awaiting results."

Dr Noor Hisham said two clusters — Bah Lunas, involving Kulim and Baling in Kedah, and Bah Bemban, involving Dungun (Terengganu) and Kota Kinabalu (Sabah) — had ended.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Vaccine's cold storage dilemma

Keeping it at -70°C poses major challenges for Malaysia, say experts

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: It's possibly a gamechanger in the fight against Covid-19 but health experts have pointed out the logistical challenges in obtaining the Pfizer vaccine.

These experts said the cold storage requirements of the vaccine would be a logistical challenge for Malaysia.

The pharmaceutical giant's vaccine uses the messenger RNA technology that requires the vaccine to be kept at -70°C and below.

Universiti Malaya epidemiologist Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud said the storage of such a vaccine in large quantities even in big towns in Malaysia would be a challenge as -70°C freezers were not easily available.

"For remote clinics in Sabah and Sarawak, this is going to be an even bigger challenge as getting the supplies to the clinics already takes quite a long time, what more to

store it for use afterwards," he said when contacted.

A report in *Time* explained that the freezer in most home kitchens could be as low as -20°C.

"Pfizer's promising Covid-19 vaccine, by contrast, must be stored at about -70°C – a temperature cold enough to harden ice cream into a spoon-breaking block of ice, and that only specialised freezers can produce," the report said, quoting Paula Cannon, an associate professor from the University of Southern California.

Dr Awang Bulgiba noted that -80°C freezers were available in university and research labs to store research bio samples.

However, he said that such storage capacity was not found in community clinics as it was expensive to purchase, uses a lot of electricity and was unnecessary for the usual cold chain that community clinics maintain for vaccines.

"Pfizer claims that the vaccine can be distributed in special con-

tainers which utilise dry ice to keep temperatures low but that is not a viable solution for long-term storage and to distribute such vaccines," he said.

Dr Awang Bulgiba also raised concerns for the future use of those special freezers once the vaccines have been administered.

Pfizer's announcement that its experimental vaccine with German partner BioNTech had been 90% effective based on initial trial results generated world headlines last week.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah told reporters last Tuesday that Malaysia would adopt a wait-and-see stance.

He acknowledged the logistics issues, saying: "This is an ongoing logistics evaluation."

That's why it is important for us to review the phase three clinical trial data before we make any commitment."

Universiti Malaya virologist Prof Dr Sazaly Abu Bakar, when contact-

ed, said if the Pfizer vaccine was purchased by the government, then logistical issues must be addressed.

"We have to figure out how to store and deliver it, especially to the end user, because it has to be maintained at -70°C.

"To maintain the cold temperature, it is beyond the usual cold chain that we know," he said.

Dr Sazaly said buying the vaccine came with the cost of the entire logistical chain of transporting the vaccines here.

As such, he doubted that the government's allocation of RM3bil would be enough.

"That (the RM3bil) is just the price of the vaccine, it does not include the price of storage, transport and delivery."

"But I believe, as time goes by, more vaccines will become available and with competition, perhaps it will drive down prices. Other technologies will also not require vaccines to be stored in that kind of temperature," he said.

Dr Sazaly said that that there is still a long way for the government to make a decision on which vaccine to purchase, noting that Pfizer's vaccine trial was "not over yet" and was merely a peek into its current status.

Universiti Putra Malaysia medical epidemiologist Assoc Prof Dr Malina Osman concurred that the main concern of Pfizer's vaccine was at the transportation level from the manufacturer till the end user due to its cold storage requirements.

"It is relatively difficult to maintain temperatures as low as -70°C throughout the transportation phase. It is well known that any transportation of any product is subjected to the probability of time delay, humidity, human factors, technical limitation and the weather," she said.

However, Dr Malina was confident that the country will be able to provide a storage system within the suggested temperature range.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Diabetes on the rise among Malaysians

PETALING JAYA: Without undergoing a screening, an estimated one in two Malaysians are unaware that they are diabetic.

Citing findings from last year's National Health and Morbidity Survey, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said about 18% of Malaysians aged 18 and above had diabetes, noting that this was an increase from 11.2% in 2011 and 13.4% in 2015.

In a statement to mark World Diabetes Day yesterday, he pointed out that this year's theme is "Diabetes: Nurses Make the Difference".

"There is no denying that the role of nurses and other front line health professionals is crucial in the management of diabetes patients, especially with the increasing number of patients each year."

He said the public should adhere to the treatment and advice of health professionals, besides adopting a healthy lifestyle as diabetes is preventable.

"Prevent and control diabetes

through healthy lifestyle practices. Practise a balanced diet, an active lifestyle, do not smoke, cultivate a healthy mind and avoid excessive alcohol consumption," he said.

Dr Noor Hisham also advised people to have "health ownership" by getting regular health screenings by knowing their BMI status, blood pressure, blood sugar and cholesterol level.

"If you have diabetes, self-monitoring of blood sugar levels is encouraged and it can be done at home using a glucometer," he added.

He also said the Health Ministry had been working with the community to promote healthy lifestyles and early detection of non-communicable diseases (NCDs) by strengthening the Komuniti Sihat Pembina Negara programme.

This intervention programme would be conducted more effectively, and extensively towards empowering the community to adopt a healthier lifestyle, he added.

He noted that in 2017, it was esti-



ated that the total burden of NCDs such as cardiovascular disease, diabetes and cancer on the national economy came up to about RM100bil. Diabetes accounts for RM10bil of that amount.

In terms of the cost of productivity loss, a total of RM5.7bil was reported for diabetes, compared to cardiovascular disease (RM2.9bil) and cancer (RM357mil).

Daily new cases still at four figures



Galloping enforcement: A police horseback unit on patrol amid the conditional MCO in Bandar Kinrara, Puchong. — AZHAR MAHFOF/The Star

1,114 infections found, two deaths, 803 recovered

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: The number of new Covid-19 cases in Malaysia remains at four figures with 1,114 cases and two deaths with 803 patients having recovered and been discharged.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that as at noon yesterday, Sabah remains the state with the highest cases at 391 (35.1%) while Negri Sembilan was not far behind at 371 cases, followed by Selangor with 200 cases.

"A majority of the cases in Negri Sembilan came from the Cergas cluster with 363 cases.

"States in the Klang Valley recorded 217 cases, of which 145 cases came from various clusters," he said in a statement here.

Perak recorded 53 cases, followed by Penang (34), Johor (15), Kuala Lumpur (13), Kedah (10), Labuan (8), Melaka (6), Kelantan (5), Putrajaya (4) and Sarawak (4).

The two fatalities were in Sabah

Battling Covid-19

involving a 78-year-old woman with a history of osteoarthritis and a 51-year-old man who had a history of chronic kidney disease, high blood pressure and diabetes, bringing the country's death toll to 306.

Dr Noor Hisham said there were two imported cases from Indonesia and Jordan that took place in Selangor and Sarawak respectively while the rest of the new cases were local transmissions.

He noted that a total of 803 patients were discharged, which means the total number of people who have recovered from Covid-19 in the country is 33,772 or 73.1% of the total infections.

Sabah has the highest recoveries with 358 cases, followed by Selangor

(209), Negri Sembilan (71), Labuan (54), Penang (42), Perak (42), Sarawak (15), Kedah (4), Terengganu (4), Kuala Lumpur and Putrajaya (3) and Melaka (1).

Active cases in the country are now 12,131 and the cumulative total Covid-19 cases in the country is 46,209 cases.

Currently, 103 people are being treated at intensive care units, with 43 requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham said two clusters in Sabah, Kedah and Terengganu have ended following no new case detected in 28 days, and four new clusters have been identified in Sabah, Penang and Kedah.

"The clusters that have ended are Bah Lunas and Bah Bemban.

"The four new clusters are the Istimewa cluster in Sandakan, Alia cluster (Kota Kinabalu), Assumption cluster (Penang and Kedah) and Rajawali cluster (Penang)," he said.

So far, a total of 59 people from these clusters have tested positive for Covid-19 with 426 waiting for their results.